

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU, 06 APRIL 2022

1.	Pesara polis didenda RM6500 tembak kucing
2	Persara polis didenda 6,500 tembak kucing makan ayam
3	Tawar harga ayam RM8 sekilogram
4	-Harga ayam naik sehingga RM11 sekilo bebankan rakyat -Kerajaan digesa segera atasi manipulasi bekalan
5	Cukup jual sampai tengah hari sahaja -Ada yang jual RM10 sekilogram -Harga naik ekoran caj perkhidmatan 30sen
6	Kemasukan buruh asing dibeku antara punca harga ayam naik
7	Tindakan batal lessen jika peniaga naik harga ayam -Stok telur masih kurang di Johor Bahru
8	Peniaga ayam raih untung kecil -Harga jual kawah berdasarkan ayam naik RM1
9	Pelanggan telur terima bergilir
10	-Chiken ceiling price has ' Flown the coop '
11	-Ramadan traders feel the pinch -Chiken and eggs in short supply in Johor -Scrap chiken import Aps to curb price rise, urges Fomca
12	Penyelamat Si Bulus

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.4.2022			

Pesara polis didenda RM6,500 tembak kucing

KUALA LUMPUR - Seorang pesara polis yang melakukan khianat dengan menembak seekor kucing jantan yang memakan ayam peliharaannya dan melepaskan tembakan di tempat awam, dijatuhi hukuman denda berjumlah RM6,500 oleh Mahkamah Majistret Selayang di sini.

Majistret Nik Fadli Nik Azlan menjatuhkan hukuman itu ke atas Zainol Abidin Md Zain, 65, selepas lelaki itu menukar pengakuan kepada bersalah pada sebutan semula kes itu pada Selasa.

Bagi pertuduhan khianat, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM5,000 atau penjara enam bulan manakala denda RM1,500 atau penjara dua bulan untuk kesalahan melepaskan tembakan di tempat awam.

Zainol Abidin didakwa dengan sengaja membunuh haiwan itu menggunakan selaras senapang patah di kawasan kebunnya di Kampung Setia, Kuang, Selangor pada 6.40 petang, 1 Julai 2020. Bapa anak tujuh itu turut didakwa melepaskan tembakan di tempat awam pada masa dan tempat sama.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Shasha Hidayah Nor Azahar memohon hukuman setimpal supaya menjadi pengajaran kepada tertuduh kerana tiada sebab munasabah untuk dia melepaskan tembakan kepada kucing yang bukan merupakan haiwan berbahaya kepada sesiapa pun.

"Adalah tidak wajar untuk tertuduh menembak kucing sehingga mati dengan alasan kucing itu memakan ayam belaannya," tegas beliau. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.4.2022	HARIAN METRO	LOKAL	21

Pesara polis didenda RM6,500 tembak kucing makan ayam

Kuala Lumpur: Seorang pesara polis yang melakukan khianat dengan menembak seekor kucing jantan yang memakan ayam peliharaannya dan melepaskan tembakan di tempat awam, dijatuhi hukuman denda berjumlah RM6,500 oleh Mahkamah Majistret Selayang di sini, semalam.

Bagi pertuduhan khianat, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM5,000 atau penjara enam bulan manakala denda RM1,500 atau penjara dua bulan untuk kesalahan melepaskan tembakan di tempat awam.

Zainol Abidin didakwa dengan sengaja membunuh haiwan itu menggunakan senjata sama pada masa dan di tempat sama mengikut Seksyen 39 Akta Senjata 1960 (Akta 206) dan boleh dihukum mengikut

pung Setia, Kuang, Selangor pada 6.40 petang, 1 Julai 2020 mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Shasha Hidayah Nor Azahar memohon hukuman setimpal supaya menjadi pengajaran kepada tertuduh kerana tiada sebab munasabah untuk dia melepaskan tembakan kepada kucing yang bukan dianggap haiwan berbahaya kepada sesiapa pun.

"Adalah tidak wajar untuk tertuduh menembak kucing sehingga mati dengan alasan kucing itu telah memakan ayam belaannya.

"Walaupun tertuduh mempunyai lesen memiliki senjata api tetapi perbuatannya melepaskan tembakan di tempat awam dan membunuh kucing adalah tidak patut," katanya.

Peguam Azman Abdullah yang mewakili tertuduh memohon hukuman ringan dengan alasan anak guamnya

telah menyesal dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan sama.

"Kucing itu memakan ayam anak guam saya dan pelbagai cara dilakukan olehnya untuk mengelakkan kucing itu daripada makan ayam belaannya itu.

"Kucing itu ditembak serata ditanam sendiri olehnya dan senjata yang digunakan adalah senapang patah milik arwah datuk tertuduh dan dia memiliki lesen senjata api," kata peguam itu.

Tawar harga ayam RM8 sekilogram

PKPS bantu depani isu kenaikan harga, pengguna boleh berjimat

Oleh NORAFIZA JAAFAR
SERI KEMBANGAN

Tawar harga ayam RM8 sekilogram menerusi Program Intervensi Harga Makaman Ehsan di bawah Perbadanan Kemajuan Perubahan Selangor (PKPS) membantu pengguna mendepani isu kenaikan harga ayam yang didakwa mahal kebelakangan ini.

Scorang peniaga ayam di Pasar Borong Selangor, Nazirah Mohd Noor, 50, berkata, program itu membolehkan pembeli mendapat penjimatan sehingga RM2.50 bagi seekor ayam manakala peniaga turut menerima manfaat melalui potongan



NAZIRAH

sewa gera. "Harga siling ayam RM8.90 sekilogram tadi menerusi program tersebut kami perlu jual RM8 manakala baki 90 sen akan ditolak dalam akaun sewa gera.

"Subsidi tersebut membolehkan kami menampung sewa gera pada masa sama pembeli juga dapat beli ayam dengan harga murah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Jelasnya, sambutan diterima dalam kalangan pengguna menggalakkan apabila ramai memberikan maklum balas positif.

"Semakin ramai pembeli yang tahu mengenai program ini dan kebiasaannya pada hujung minggu jualan ayam tengah malam, ia agak membebani pembiayaan. Walupun tidak rugi namun margin untung menjadi sikit," katanya.

"Setiap hari PKPS ada tetapkan kuota mengikut barang yang diedarkan dan setiap pembeli dihadkan kepada dua ekor ayam."

Seorang lagi peniaga, Azmi Zainal, 54, berkata, awalnya program tersebut ditawarkan kepada semua peniaga Pasar



Program Intervensi Harga Makaman PKPS dilaksanakan dalam usaha memudahkan rakyat mendepani isu kenaikan harga barang.

Borong Selangor sebelum diteruskan kepada lima peniaga terpilih.

"Program ini bagus kerana membantu pembeli cuma disebabkan harga ayam tengah malam, ia agak membebani pembiayaan. Walupun tidak rugi namun margin untung menjadi sikit," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PKPS, Dr Mohamad Khalil Mohamad Razi berkata, Program Intervensi Harga Makaman Ehsan akan diteruskan sehingga hujung Ramadan.

Menurutnya, sejumlah RM178,600 diskau telah diberikan dalam tempoh dua bulan bermula 8 Februari hingga 4 April di bawah program tersebut termasuk tawaran harga rendah bagi ikam, daging, ayam dan telur.

Ujarnya, sebanyak 17 Dewan Undangan Negeri (DUN) sudah dijelajah di bawah program berkenaan dengan setiap kawasan diperuntukkan kuota 800 ekor ayam, 500 papua lebur, 10 kilogram daging dan 100 kilogram ikam,

Harga ayam naik sehingga RM11 sekilo bebankan rakyat

Kuala Lumpur: Baru dua hari menuasuki Ramadan, rakyat khususnya umat Islam terus dibebani dengan peningkatan mendadak beberapa barang makanan asas, termasuk ayam yang kini dijual melebihi harga siling diiktiraf kerajaan.

Setiap kali isu kenaikan harga timbul alasan digunakan penternak atau peniaga hampir sama, iaitu bekalan tidak cukup, harga dedak naik, kos pengang-

kutan meningkat, kekurangan pekerja asing, kos mengurus se-makin bertambah.

Sejak tahun lalu, kerajaan sudah mengambil pelbagai langkah intervensi untuk menghadapi masalah ini dalam usaha mengurangkan beban rakyat, khususnya selepas dua tahun kehidupan dihimpit disebabkan pandemik COVID-19, namun semua inisiatif yang diumumkan gagal mencapai matlamat.

Tinjauan BH di beberapa negeri mendapati harga ayam dijual mele过si harga siling RM8.90 sekilogram (kg) ditetapkan kerajaan, malah ada yang mencecah sehingga RM11 sekilogram.

Tinjauan di pasar utama di Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Sarawak juga mendapati bekalan di sesetengah pasar tidak cukup dan keadaan itu dilaporkan bermula

sejak hari pertama Ramadan, Ahad lalu.

Di Johor Bahru, peniaga ayam mendakwa tertekan kerana bekalan semakin berkurangan, selain harga ditetapkan terlalu tinggi.

Tinjauan di pasar basah sekitar Tampoi dan Perlis, mendapati harga ayam dijual pada harga antara RM9.50 sehingga RM10/kg dan peniaga mengaku tertekan serta kecewa dengan si-

tuasi itu.

"Kami tidak lagi mendapat untung serta pulangan modal, tapi hanya bertahan memastikan perniagaan tidak ditutup," kata Ipat Mohd Hassan, 35, sambil menjelaskan hasil jualan ayam segar mulai 1 Ramadan lalu hanya mampu membayar sewa lot niaga, bil utiliti dan gaji pekerja.

Kerajaan digesa segera atasi manipulasi bekalan

Dari Muka I

Dia juga mendakwa pembekal mencatut pesanan peniaga, selain menetapkan stok ayam pada harga tinggi, sekali gus menjadikan peniaga seolah-olah ditindas. Ayam segar diberi pembekal kepada peniaga dengan harga RM8.60 sekelogram termasuk kos pengangkutan RM1.

"Saya terpaksa naikkan harga ayam segar kepada RM9.50 sekelogram dan tidak mengikut harga kawalan kerana tidak mampu menyerap kerugian. Itupun cuma mampu bayar sewa lot niaga, bil utiliti dan gaji pekerja," katanya.

Peniaga yang mahu dikenali sebagai Salleh, 34, berharap kerajaan cepat campur tangan berikutan dakaan berlaku manipulasi bekalan ayam oleh pengusaha ladang dan pembekal.

"Pembekal tetap beri alasan sama iaitu harga dedak mahal dan tiada pekerja di ladang menyebabkan harga ayam segar mahal. Peniaga seperti kami semakin tertindas, untung tiada, malah dimarah pengguna," katanya.

Peniaga bazar Ramadan, Ayu Awang, 37, terpaksa ke banyak lo-

kasi untuk dapatkan ayam segar. "Hari ini (semalam) saya masuk tiga pasar nak beli ayam segar dan pasar yang ketiga baru ada stok. Kami tertekek dengan ketiadaan stok, apatah lagi haranya mendadak naik," katanya.

Pengurus Besar Pasaraya Econsave Cash and Curry, Mas Imran Adam, berkata berbanding Mac lalu, bekalan ayam semakin berkurangan sejak awal bulan ini dan tidak dapat menampung permintaan yang meningkat.

"Kami tempah satu tan, bekalan dihantarkan hanya 300kg. Oleh itu bekalan ayam hanya cukup untuk dijual sehingga setengah hari sahaja," katanya menambah bekalan telur juga berkurangan sejak sebuah lalu.

Di Alor Setar, peniaga ayam di beberapa pasar juga terpaksa menjual ayam melepas harga siling RM8.90 sekelogram kerana perlu tanggung caj pengangkutan 30 sen dikenakan pemborong, bermula Ahad lalu.

Peniaga ayam di Pasar Besar Alor Setar, Wan Ahmad Fauzi Wan Ismail, 51, berkata dia terpaksa menjual ayam pada harga

RM9.30 sekelogram kerana pemborong menaikkan harga atas alasan kos pengangkutan.

"Kami sebagai peniaga hairan kenapa tiba-tiba ada caj pengangkutan Ramadan kali ini. Ketika Ramadan tahun lalu, harga ayam stabil, tetapi apabila mila peralihan fasa ke endemik, harga naik pula," katanya.

Di Kuala Terengganu, tinjauan di pasar Bukit Besar dan Cabang Tiga mendapati ayam dijual antara RM9.50 hingga RM10 sekelogram, didakwa disebabkan harga peringkat pemborong di-setapkan RM8.50 hingga RM9.

Di Kuching, harga runcit ayam bersih standard di Sarawak dijual pada kadar berbeza mengikut daerah dengan serendah RM6.99 sehingga yang tertinggi mencecah RM11 sekelogram.

Tinjauan mendapati harga runcit ayam bersih standard di Kuching dijual lebih tinggi berbanding harga siling RM8.90, iaitu antara RM9.20 hingga RM9.50 sekelogram.

Selain itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendakwa kenaikan harga makanan ternakan seperti soya dan

jagung yang kebanyakannya di-import dari Argentina dan Brazil antara punca kenaikan harga ayam, selain kos pekerja.

Antara langkah diambil kerajaan, termasuk menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard dikurangkan 20 sen daripada harga siling ditetapkan iaitu daripada RM9.10 kepada RM8.90 sekelogram.

Kerajaan turut memberi subsidi 60 sen sekelogram kepada ponternak ayam berkuat kuasa 5 Februari hingga 4 Jun depan untuk menstabilkan bekalan.

Pemberian subsidi ayam dan telur untuk tempoh empat bulan ini membabitkan kos RM528.52 juta.

Kerajaan juga memberi kelulusan untuk mengimpor 10,000 tan atau 5.5 juta ekor sebulan ayam bulat sejuk beku kepada 32 syarikat dari tiga negara, iaitu Thailand, China dan Brazil.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) juga memberi lesen import (AP) kepada empat pasaran raya untuk mengimpor ayam bulat sejuk beku dari beberapa negara serta menjual terus kepada pengguna.

Keperluan ayam dalam negara


adalah 3,762 tan (2.09 juta ekor) sehari atau 113,220 tan (62.9 juta ekor) sebulan.

Mengulas isu itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kenaikan bekalan ayam import seputarinya dapat menstabilkan harga bahan mentah itu, namun masih berlaku kenaikan harga.

Beliau berkata, harga ayam akan terus menjadi isu tidak akan selesai jika kerajaan tidak melakukan intervensi segera dan serius terhadap bekalan import makanan ayam seperti dedak yang dijadikan alasan kenaikan harga.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Pengguna Negeri Kelah (CAKE), Mohamad Yusriani Yosoff, berkata pihaknya mengesan kenaikan harga ayam sejak kerajaan umum akan memberi subsidi kepada penternak membantu tumpu kenaikan pelbagai kos terutama makanan ayam.

Katanya, KPDNHEP perlu membuat pemantauan di peringkat pemborong kerana mereka yang mengenakan caj perkhidmatan.



MAS Imran menunjukkan bekalan ayam harian yang habis di pasar raya Econsave Cash and Carry Johor Bahru. - Gambar NSTP/MARY VICTORIA DASS

Cukup jual sampai tengah hari saja

Bekalan ayam, telur di pasar raya sekitar Johor Bahru tak cukup

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Bekalan ayam dan telur di pasar raya di sekitar bandar raya ini tidak mencukupi bagi memampu permintaan tinggi pelanggan terutama ketika Ramadan hingga awal Syawal depan.

Pengurus Besar Pasaraya Econsave Cash and Carry Mas Imran Adam berkata, berbanding Mac lalu, bekalan ayam didapati semakin berkurangan sejak awal bulan ini.

Beliau berkata, perminta-

an pelanggan yang bertambah berkali ganda sepanjang Ramadan ini dikehutir tidak dapat dipenuhi sekiranya keadaan ini berterusan.

Menurutnya, pihaknya menerima maklum balas daripada pembekal ayam menyatakan bekalan diperoleh masih berkurangan hingga mereka berdepan masalah.

Katanya, ada segelintir pembekal menyatakan saiz ayam yang diperoleh adalah kecil iaitu antara seekor ha-

nya 700 gram atau 800 gram.

"Pada masa kini, bekalan harian dihantar adalah 300 kilogram berbanding tempahan bekalan yang kami lakukan adalah sebanyak satu tan."

"Oleh itu, bekalan ayam hanya mencukupi untuk dijual sehingga setengah hari sahaja," katanya yang menambah bekalan telur juga berkurangan sejak sebulan lalu namun kedua-dua bahan mentah ditawarkan

pada harga lebih murah di pasar raya berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, pihaknya tidak menerima aduan berkaitan kekurangan bekalan ayam dan telur.

"Setakat ini, bekalan ayam dan telur sudah ada di pasaran dan begitu juga dengan bahan mentah yang lain."

"Bagaimanapun, anggota KPDNHEP akan menjalankan pemeriksaan berkala selain pemeriksaan berdasarkan aduan diterima," katanya ketika dihubungi.

Bekalan ayam semakin berkurangan sejak awal bulan ini
Mas Imran

Alor Setar: Peniaga ayam di Kedah terpaksa menjual ayam melebihi harga siling ditetapkan selepas dikenakan caj perkhidmatan 30 sen bermula 1 Ramadan lalu.

Peniaga ayam Pasar Besar Alor Setar Wan Ahmad Faizzi Wan Ismail, 51, berkata, dia terpaksa menjual ayam pada harga RM9.30 sekilogram berbanding harga siling perkhidmatan.

"Sekarang ada pulu caj, jadi mahu tak mahu saya terpaksa jual pada harga RM9.30 kerana tidak mampu menampung modal," katanya ketika ditemui.

Bagi peniaga ayam di Pa-

sek Pendang, Mat Saat Nasyan, 54, berkata, dia turut menerima alasan yang sama daripada pemborong dan menganggap alasan itu tidak masuk akal.

Katanya, dia kini memperoleh harga ayam daripada pemborong sebanyak RM8.50 sekilogram iaitu kecuali sebanyak 30 sen.

"Sebagai contoh hari ini (semalam), saya beli daripada pemborong 100 kilogram (kg) ayam selepas dilayur api beratnya susut

menjadi 96kg. Saya terpaksa tumpang kos gas dan plastik lagi yang turut berlaku kenaikan harga."

"Jadi saya jual kepada pelanggan RM9.50 sekilogram, itu pun untung saya sedikit, gaji pekerja juga saya perlu bayar," katanya yang mula berniaga ayam sejak 80-an.

Mat Saat berharap, kerajaan dapat melakukan siasatan secara telus agar pemborong tidak terus memanipulasi harga setiap ka-

li musim perayaan.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Pengguna Negeri Kedah (Cake) Mohamad Yusrizal Yusof berkata, pihaknya mengesahkan kenaikan harga sejak kerajaan mengumumkan akan memberi subsidi kepada peladang ayam bagi membantu menampung kenaikan pelbagai kos terutama makanan pokok.

Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu memantau di peringkat pemborong kerana mereka yang mengenaikan caj perkhidmatan.

"Selalunya, KPDNHEP siasat di peringkat ladang, tapi sebenarnya siasatan ke naikan harga ayam perlu dilakukan di peringkat pemborong atau orang tengah."

"Mereka ini yang mengawal harga dan biar siasatan dan pemeriksaan harga ini dilakukan dengan telus," katanya.

Harga naik ekoran caj perkhidmatan 30 sen

khidmatan pada Ramadan kali ini.

"Ketika Ramadan tahun lalu, harga ayam stabil tetapi apabila pada fasal peralihan ke endemik harga naik pula. Sebelum ini pemborong juga hantarkan ayam, tetapi tiada caj perkhidmatan."

"Sekarang ada pulu caj, jadi mahu tak mahu saya terpaksa jual pada harga RM9.30 kerana tidak mampu menampung modal," katanya ketika ditemui.

Bagi peniaga ayam di Pa-

sek Pendang, Mat Saat Nasyan, 54, berkata, dia turut menerima alasan yang sama daripada pemborong dan menganggap alasan itu tidak masuk akal.

Katanya, dia kini memperoleh harga ayam daripada pemborong sebanyak RM8.50 sekilogram iaitu kecuali sebanyak 30 sen.

"Sebagai contoh hari ini (semalam), saya beli daripada pemborong 100 kilogram (kg) ayam selepas dilayur api beratnya susut

menjadi 96kg. Saya terpaksa tumpang kos gas dan plastik lagi yang turut berlaku kenaikan harga."

"Jadi saya jual kepada pelanggan RM9.50 sekilogram, itu pun untung saya sedikit, gaji pekerja juga saya perlu bayar," katanya yang mula berniaga ayam sejak 80-an.

Mat Saat berharap, kerajaan dapat melakukan siasatan secara telus agar pemborong tidak terus memanipulasi harga setiap ka-

Ada yang jual RM10 sekilogram!

Johor Bahru: Peniaga ayam di bandar raya ini semakin tertekan apabila bekalan bahan mentah itu berkurangan serta ditawarkan pada harga terlalu tinggi.

Tinjauan di pasar basah sekitar Tampoi dan Perling di sini mendapat harga ayam di sekitar bandar raya ini terus dijual pada harga antara RM9.50 sehingga RM10 sekilogram (kg), melebihi harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90kg.

Peniaga yang ditemui juga mengaku tertekan dan kecewa dengan situasi itu kerana tidak lagi mendapat untung serta balik modal, sebaliknya hanya bertahan memastikan perniagaan tidak ditutup.

Peniaga ayam, Ipat Mohd Hassan, 35, berkata, hasil perniagaan menjual ayam segar mulai 1 Ramadan lalu hanya mampu membayar sewa lot niaga, bil utiliti selain gaji pekerjanya sahaja.

Katanya, ia berikutan tindakan pembekal 'mencatut' pesanan peniaga selain memberi stok ayam pada harga tinggi, sekali gus menjadikan peniaga seolah-olah ditindas.

"Saya terpaksa naikkan harga ayam segar sekilogram kepada RM9.50 dan tidak mengikut harga kawalan kerana sudah tidak mampu menyerap kerugian."

"Walaupun menjual harga lebih tinggi 60 sen daripada harga kawalan, saya hanya mampu membayar sewa lot niaga, bil utiliti dan gaji pekerja sahaja malah pusingan modal pun tiada.

"Ayam segar diberi pembekal pada peniaga dengan harga RM8.60 termasuk kos pengangkutan RM1. Lebih parah, peniaga membuat pesanan 500 ekor ayam te-



Saya terpaksa naikkan harga ayam segar sekilogram kepada RM9.50 dan tidak mengikut harga kawalan kerana sudah tidak mampu menyerap kerugian"

Ipat

tapi hanya dibekalkan 150 ekor ayam segar sahaja.

"Kami peniaga semakin tertekan kerana permintaan pengguna sangat tinggi setiap kali Ramadan namun peniaga tidak balik modal pun apatah lagi meraih keuntungan," katanya ketika ditemui semalam.

Kelmarin harga ayam segar di bandar raya ini dilaporkan naik kepada RM10 sekilogram bermula Ahad lalu, sekali gus dijual melebihi harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90 sekilogram.

Tinjauan pasar basah utama di Pandan dan Larkin di sini, mendapat mendapat kebanyakan penjual tidak mematuhi harga siling ditetapkan kerajaan dan menjualnya antara RM9.50 hingga RM10 iaitu antara 60 sen hingga RM1.10 sen lebih tinggi.

Kemasukan buruh asing dibeku antara punca harga ayam naik

Persatuan dakwa penternak tiada pekerja untuk hantar bekalan ke pasar

Kuala Lumpur: Pembekuan kemasukan buruh asing, ditambah kesukaran mengajukan warga tempatan untuk bekerja sebagai penghantaran bekalan hasil ladang ke pasar, didakwa antara faktor yang mempengaruhi peningkatan kos pengangkutan dan se tersusya turut menyumbang kepada kenaikan harga ayam.

Penasihat Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia (FL-EAM), Datuk Jeffrey Ng, berkata ada ketika, penternak pernah tiada langsung pekerja untuk kerja penghantaran bekalan ayam ke pasar sehingga situasi itu mengganggu kelancaran urusan.

Katanya, meskipun ada syari-

kat menawarkan gaji tinggi berdasarkan jumlah perjalanan dibuat pekerja penghantaran, masih sama tetap berterusan.

"Sepatutnya tidak berlaku ke naikan harga ayam disebabkan kos pengangkutan, tapi masalahnya sekarang adalah tidak ada pekerja untuk hantarkan ayam."

"Sekarang nak cari dua orang untuk bekerja di bahagian itu pun susah."



Jeffrey Ng

rikutan memperoleh bekalan pada harga tinggi daripada pembekal.

Peniaga juga mendakwa mereka terpaksa membayar harga yang termasuk sekali kos pengangkutan sejak kerajaan menguatkuaskan harga kawalan ayam pada 5 Februari lalu, walaupun sebelum ini kos sedemikian tidak pernah dikenakan.

"Bukan saja nak cari pekerja asing susah, malah bila kita putuskan bagi gaji yang tinggi untuk tarik warga tempatan bekerja pun payah. Pening kami dibuatinya," katanya kepada BH semalam.

Berdasarkan tinjauan BH di pasar basah utama di Pandan dan Larkin di Johor Kelmarin, harga ayam segar naik kepada RM10 sekilogram, melebihi harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90.

Peniaga mendakwa, antara faktor kenaikan harga ayam be-

Singapura sudah boleh masuk ke negara ini, terutama Johor.

"Namun begitu, asas peningkatan harga sumber protein itu tidak lain disebabkan kenaikan kerap harga dedak."

"Dalam tempoh dua bulan saja, harga dedak meningkat lebih lima peratus bagi satu beg dedak berisi 50 kilogram (kg)."



Peniaga menjual ayam segar RM9.50 sekilogram ketika tinjauan di Pasar Chow Kit, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

lebih lima peratus.

"Dulu satu beg dedak harganya dalam RM120, sekarang sudah RM127."

"Dengan pemberian subsidi pun tak guna kerana ada penternak yang masih menanggung kerugian," katanya.

Tindakan batal lesen jika peniaga naik harga ayam

Penguatkuasaan ketat KPDNHEP susulan laporan berlaku penyelewengan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak teragak-agak untuk menaikkan lesen peniaga yang me naikkan harga ayam lebih daripada harga siling ditetapkan.

Pengarah Penguat Kuasa KP DNHEP, Azman Adam, berkata ketika ini pihaknya sudah menjalankan penguatkuasaan lebih ketat susulan laporan mengenai penyelewengan harga ayam.

"Kami akan guna peruntukan sedia ada. Mereka ini (peniaga berlesen) yang masih berdegil menjual lebih daripada harga ditetapkan, mungkin tindakan keras seperti pembatalan lesen boleh dipertimbangkan."

tetapkan, mungkin tindakan keras seperti pembatalan lesen boleh dipertimbangkan," katanya semalam.

Azman mengulas keluhan orang ramai berikutan peningkatan harga ayam biarpun kerajaan sebelum ini memberi jaminan tiada lagi kenaikan berikutnya pemberian subsidi kepada penternak.

Pada 9 Februari lalu kerajaan mengumumkan pemberian subsidi 60 sen sekilogram kepada penternak ayam. Dengan mengambil kira harga ayam hidup pada peringkat ladang RM5.90 sekilog-

ram, harga siling runcit ayam bulat standard ditetapkan pada RM8.90 sekilogram untuk tempoh hingga 5 Jun ini.

Kabinet turut bersetuju memberi subsidi lima sen bagi setiap biji telur untuk semua jenis kategori.

Mengulas lanjut, Azman berkata, pihaknya sudah menerima aduan berkenaan kenaikan harga ayam dan mengarahkan peguatu kuasa menjalankan siasatan. Siasatan tidak akan berakhir pada satu peringkat sahaja, kerana jika peruncit mendakwa membeli pada harga mahal da-

ripada pemborong kementerian itu akan menyiasat dakwaan berkenaan sehingga ke peringkat penternak.

Katanya, KPDNHEP memerlukan masa untuk menjalankan siasatan termasuk membabitkan rantaian pembekalan.

"Kami menerima aduan dari pada penternak di ladang yang mendakwa kos bahan mentah meningkat."

"Justeru, KPDNHEP akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mendapatkan gambaran sebenarnya," katanya.

Azman berkata, pihaknya sudah mengambil perhatian berkenaan kes kenaikan harga ayam itu dan ia berlaku di tempat tertentu sahaja.

Pada masa sama, katanya, apabila kerajaan sudah menetapkan harga siling sesuatu bahan mentah termasuk ayam, ia wajib dipatuhi oleh setiap peringkat dan rantaian. Harga ditetapkan itu sudah mengikut margin keuntungan setiap pihak dan tiada isu mengatakan mereka berhadapan kerugian.

Kami akan guna peruntukan sedia ada. Mereka ini (peniaga berlesen) yang masih berdegil menjual lebih daripada harga ditetapkan, mungkin tindakan keras seperti pembatalan lesen boleh dipertimbangkan.

Azman Adam,
Pengarah Penguat Kuasa KP DNHEP



Stok telur masih kurang di Johor Bahru

Johor Bahru: Pengguna terutama peniaga di bandar raya ini buntu berikutan bekalan telur yang masih berkurangan di pasaran bandar raya ini menyebabkan sukar untuk berniaga.

Tinjauan di pasar sekitar Tam-poi dan Perlis di sini, mendapati kedai yang biasanya mempunyai ratusan stok telur dilihat tidak banyak stok telur yang tinggal manakala stok yang ada sudah ditempah pelanggan.

Gred telur yang mendapat permintaan tinggi terutama gred A, B,C dan D pula tiada di pasaran menyebabkan ramai peniaga terutama penjual kuih terjejas.

Peniaga roti canai dan murtabak, Eddie Omar, 61, mendakwa kekurangan stok telur di pasaran menyebabkan harganya naik sekali gus memaksa peniaga seperti menaikkan harga roti canai dan murtabaknya.

"Sejak 20 tahun lalu saya menjual roti canai dengan harga 50 sen sekeping, manakala murtabak pula hanya RM3 sekeping.

"Namun berikut masalah bekalan kekurangan telur dan harganya mahal, saya terpaksa menaikkan harga roti canai kepada 80 sen sekeping, manakala harga murtabak akan dinaikkan antara

50 sen hingga RM1.

"Bagaimanapun, saya tidak mahu menaikkan harga makanan dijual terlalu mendadak dan tinggi kerana mempunyai ramai pelanggan tetap yang akan terjejas jika saya menaikkan harga makanan," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, pekerja industri, Faizah Nasir, 35, berkata beliau biasanya beli sepepan telur setiap minggu untuk kegunaan keluarga.

Namn, beliau terpaksa bertukar kepada telur pek kecil apabila stok telur semakin sukar diperoleh kebelakangan ini.

"Bila stok telur berkurangan dan susah dibeli menyebabkan saya bertukar kepada pek kecil 10 biji kerana bulan lalu pernah beli sepepan namun sebahagiannya sudah rosak, mungkin kerana stok lama yang dijual semula," katanya.

Sementara itu, peruncit telur di pasar basah Tampoi yang mahu dikenali sebagai Maria, 42, berkata, isu kekurangan telur sudah berlanjut sejak Januari lalu.

